

KL Metropolis fokus utama

Sebuah pembangunan guna campur bernilai RM20 bilion

NUR SHARIEZA ISMAIL

NAZA TTDI mengekalkan KL Metropolis yang bernilai RM20 bilion, iaitu sebuah pembangunan guna campur seluas 3.02 hektar, sebagai pembangunan karyatamanya di Lembah Klang.

Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI Sdn Bhd, Datuk Idzham Mohd Hashim berkata, KL Metropolis terus menjadi fokus utama pembangunan.

"Jualan Met 1 Residences telah menunjukkan kenaikan bertambah. Kami yakin trend ini akan terus mengukuh menjelang separuh kedua tahun ini apabila kami melancarkan satu lagi produk di sini tidak lama lagi," katanya.



IDZHAM




Met 1 Residences telah memenangi anugerah Pembangunan Kondominium Terbaik (Amat Disyorkan) di Lembah Klang oleh PropertyGuru Asia Property Awards 2018 (APA), Malaysia.

KL Metropolis pula menerima anugerah Pembangunan Komuniti Lestari Terbaik oleh Property Insight Prestigious Developer Award 2018 (PIPDA) pada Jun 2018.

Keyakinan syarikat turut disokong oleh satu lagi produk mereka yang akan menyasarkan pelabur hartanah yang bakal dilancarkan.

Dengan nilai pembangunan kasar (GDV) bernilai lebih RM350 juta, peluang pelaburan ini disas-



Pelan pembangunan KL Metropolis Naza TTDI

kan kepada segmen hartanah khusus yang potensinya belum pernah dimanfaatkan secara optimum.

Manakala bagi separuh kedua 2018 ini juga bakal menyaksikan pemaju swasta tempatan ini melancarkan komponen pembiayaan MET1

di KL Metropolis.

Kawasan tempat makan terbuka, medan selera berprestij, ruang pameran mewah dan kemudahan berkaitan yang menyasarkan kawasan sekitar Jalan Dutamas merupakan ciri utama komponen pembiagaan

an ini.

Dua lagi projek pembangunan yang masih di tahap pembinaan di KL Metropolis ialah MET Corporate Office Towers oleh Triterra Metropolis Sdn Bhd dan Art Mont Kiara oleh Nusmetro Sdn Bhd.

"Keadaan pasaran yang tidak tentu akan mengurangkan tidak lama lagi apabila kerajaan memperkenalkan inisiatif baharu kepada masyarakat.

"Apabila pasaran kembali stabil dan sikap tunggu-dan-lihat dalam kalangan pembeli mengurangkan, pasaran hartanah akan melihat perubahan positif yang dipengaruhi oleh permintaan dalam pasaran oleh golongan berpendapatan sederhana dan sederhana-atas," katanya.

Idzham berkata, sebagai pemaju tempatan yang sensitif dengan permintaan tempatan, Naza TTDI akan memasuki pasaran dengan pembangunan yang menawarkan lokasi yang tepat, tawaran nilai yang betul dan rekaan inovatif untuk pelaburan.

"Namun syarikat juga berminat untuk melebarkan sayap ke pasaran antarabangsa dalam masa terdekat apabila terdapat peluang yang sesuai," katanya.